

Jurang jantungina pelantikan penimbang tara perlu ditangani

Dr Muhammad Rafiq
Usdharulzaman
dan Dr Mohamed
Fateh Labanish,
Universiti Utara
Malaysia

Tidak semua pertikaian tertumpu kepada kaedah perbicaraan yang dilakukan di mahkamah. Sebaliknya, terdapat beberapa kaedah lain yang boleh diambil oleh pihak terbabit.

Antara mekanisme penyelesaian pertikaian alternatif yang ditawarkan di Malaysia adalah timbang tara. Kaedah penyelesaian itu adalah jalan keluar daripada prosiding mahkamah yang ketat membabitkan pertikaian komersial atau hubungan industri.

Justeru, penimbang tara (arbitrator) iaitu pihak ketiga yang akan menyelesaikan pertikaian dua pihak akan bertindak secara adil, bebas dan tidak berat sebelah.

Pelaksanaan kaedah ini membawa beberapa implikasi positif terhadap amalan timbang tara di Malaysia. Secara kebiasaannya, prosiding timbang tara lebih cepat diselesaikan berbanding prosiding mahkamah.

Di samping itu, prosiding timbang tara boleh disesuaikan dengan keperluan khusus pihak yang terbabit dalam pertikaian, selain mempunyai kelonggaran yang besar dari sudut tatacara berbanding prosiding prosiding di mahkamah. Bahkan, prosiding timbang tara membabitkan kos yang le-

bih murah berbanding di mahkamah.

Sungguhpun begitu, terdapat ketidakseimbangan dari sudut jantungina dalam amalan timbang tara di Malaysia.

Ini boleh dilihat menerusi laporan tahunan yang dikeluarkan oleh Pusat Timbang Tara Antarabang-

“AIAC juga perlu membuat pembaikan dari sudut mempromosikan kepelbagaian usia selain bangsa dan agama dalam kalangan penimbang tara”

sa Asia (AIAC), berpusat di Kuala Lumpur.

Laporan AIAC menjelaskan lelaki lebih mendominasi platform pertikaian alternatif ini. Hal ini disokong dengan laporan yang dikeluarkan pada 2021, merekodkan sebanyak 85.5 peratus penimbang tara adalah lelaki berbanding wanita iaitu hanya seramai 14.5 peratus.

Pada 2022, statistik menunjukkan hanya 21 orang wanita berperanan sebagai penimbang tara berbanding 65 lelaki.

Angka ini menunjukkan terdapat perbezaan yang besar antara lelaki dan wanita dalam pelantikan penimbang tara.

Kadaan ini seharusnya diubah bagi membolehkan, sama ada lelaki atau wanita memperoleh capaian yang sama rata, iaitu merangkumi keadilan, menggalakkan inovasi dan menyebarkan sifat keterangkuman antara jantungina.

Malah, AIAC juga perlu membuat pembaikan dari sudut mempromosikan kepelbagaian usia selain bangsa dan agama dalam kalangan mereka yang dilantik sebagai penimbang tara.

Perubahan sebegini seharusnya dialu-alukan apatah lagi ia adalah selari dengan Matlamat Pembangunan Lestari yang diperkenalkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).